

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERMOHONAN MENGIKUTI PROGRAM MATRIKULASI  
SESI 2024/2025**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa permohonan Fasa 1 untuk mengikuti pengajian Program Matrikulasi KPM sesi 2024/2025 kepada pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2023 dibuka bermula 15 Disember 2023 hingga 31 Mac 2024. Permohonan Fasa 2 dan pengemaskinian maklumat pelajar akan dibuka selama 5 hari selepas keputusan SPM tahun 2023 diumumkan.

Permohonan ke Program Matrikulasi KPM adalah percuma dan pelajar boleh memohon melalui laman sesawang <https://matrikulasi.moe.gov.my>. Keputusan permohonan akan dikeluarkan oleh Bahagian Matrikulasi KPM melalui laman sesawang dalam tempoh 21 hari bekerja selepas keputusan SPM tahun 2023 diumumkan.

Pelajar yang berjaya mendapat tawaran ke Program Matrikulasi KPM perlu memuat turun dan mencetak sendiri surat tawaran dan dokumen pendaftaran melalui laman sesawang semakan keputusan tawaran Program Matrikulasi KPM.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
14 DISEMBER 2023**